

17/09/1997

Teka-teki arah kesenian nasional

Baha Zain

APABILA Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai kebudayaan dalam Perhimpunan Umno pada awal September lalu, beliau seolah-olah membuka jalan bagi Seminar Kebudayaan di Ipoh pada 23 September ini.

Dr Mahathir jelas bermaksud, bahawa kebudayaan adalah sejumlah nilai yang menentukan cita-cita, sikap dan cara masyarakat menguruskan pelbagai kehidupannya.

Sayangnya persoalan nilai yang sangat bermakna dan penting bagi menentukan perubahan bangsa itu, tidak mendapat reaksi yang bernas daripada ahli yang membahaskan ucapannya.

Memang tepat sekali bahawa buku, karya atau produk yang bermutu tinggi adalah hasil daripada pemikiran, sikap dan tindakan yang serius, kritis, terperinci serta rapi.

Hasil yang tidak bermutu atau tidak menarik adalah kesan daripada sikap dan pemikiran yang ambil mudah, serta kerja yang tidak teliti.

Kerapian atau ketidaksenonohan boleh menjadi tradisi dalam diri individu, kelompok atau bangsa. Pokok pangkalnya adalah nilai apa yang hendak dicapai oleh kebudayaan manusia yang berkenaan.

Kalau seseorang itu tidak mempunyai nilai yang tinggi, yakni cita-cita tinggi yang harus dicapai dalam tujuan hidupnya, memanglah hasil kerjanya pun tidak bernilai tinggi.

Sedangkan orang yang bercita-cita dan mempunyai nilai yang tinggi pun kadangkala hasilnya tidak bermutu. Apatah lagi kalau dia bersikap sebaliknya. Ini adalah logika yang tidak susah difahami, yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir.

Selain soal nilai dan mutu, soal lain juga yang sama pentingnya ialah nilai kita terhadap alam, manusia, ruang dan waktu. Semuanya ini memberikan kesan dan akibatnya terhadap tindakan dan hasil daripada tindakan terbabit.

Terutama dalam karya seni, nilai yang dipegang oleh pencipta akan terpancar di dalam penciptaan kesusasteraan, lukisan, seramik, tekstil, foto, tarian, muzik, arca dan seni bina.

Kita bukan saja menginginkan karya yang tinggi dan baik mutunya dari segi intrinsik atau struktur, seperti betapa bagus plot, perwatakan dan bahasa sesebuah novel, atau betapa kukuh dan cantiknya sesebuah gedung, tetapi ada hal lain yang berhubung kepentingan masyarakat dan bangsa perlu juga dinilai.

Dalam apa jua kerja kebudayaan, sama ada boleh dipegang dengan tangan atau tidak, atau hanya dipandang oleh orang lain, maka soal penilaian buruk atau cantik, bermanfaat atau tidak tetap timbul.

Dalam kata lain, ia membabitkan etika dan ukuran. Kalau dalam masyarakat, ukuran nilai itu sering terdapat di dalam norma, adat kebiasaan, tradisi dan kepercayaan, di dalam diri individu ukurannya lebih berupa hati nurani dan prinsip peribadinya. Antara individu dan masyarakat sering terjadi ketegangan dan ketidakharmonian.

Apa yang baik bagi masyarakat mungkin tidak lagi baik bagi individu yang sudah bebas daripada nilai masyarakat sekelilingnya. Hal ini selalu berlaku dalam politik dan kesenian.

Seni moden sering dihubungi dengan usaha merungkai diri pencipta daripada ikatan seni tradisional, terutama bagi mereka yang berpendidikan atau berorientasikan falsafah dan gaya Barat, dan berkarya dalam semangat dan bentuk yang asing daripada persekitarannya.

Ini adalah juga tanda bahawa alam kebudayaan di sekitarnya memberi ruang untuk dia berubah, untuk mencipta, bereksperimen dan membawa kelainan kreatif.

Dalam hubungan perubahan kebudayaan inilah Seminar Kebudayaan, Pekan Seni Ipoh, pada 23 September 1997 ini akan membahas beberapa topik untuk melihat apakah jawapan bagi pertembungan nilai tradisi dengan yang moden dan unsur tempatan dengan unsur luar, dalam kesenian nasional kita.

Bidang pembicaraan seminar meliputi seni rupa, seni bina, kesusasteraan, undang-undang hak cipta dan prasarana kesenian.

Pembentang kertas kerja ialah Dr Sheikh Mohd Nur Alam, pensyarah undang-undang; Hamdan Yahaya (birokrat budaya); Wairah Marzuki (birokrat budaya), Dr Mohd Bukhari Lubis (penterjemah dan sarjana); Nasir Baharuddin dan Tengku Sabri (seniman/pengacara) dan Jim-mie Lim (arkitek).

Sementara pengulasnya pula, Dr Siti Zainon Ismail (penyair/pelukis), A Rahim Abdullah (editor/penyair), Kemala (penyair/pengkaji), A Halim Abdullah (peguam), Raja Kamarul Baharin (arkitek) dan Dr Zakaria Ali (pelukis/sarjana).

Dialog kesenian ini dijangka menyerlahkan sejumlah pandangan dan cadangan yang boleh dijadikan panduan bagi mempengaruhi arah perkembangan kesenian nasional pada masa depan.

Seminar ini terbuka kepada semua yang berminat tanpa mengenakan apa bayaran penyertaan. Ini bertujuan untuk mendedahkan masyarakat kepada persoalan perubahan kesenian dan masalah yang ditimbulkannya.

Selain bidang politik dan ekonomi nampaknya kesenian adalah suatu bidang yang sangat dinamik dan pantas berubah. Negara kita tidak mampu untuk mengubah seluruh kebudayaan untuk memajukan masyarakat dengan cepat.

Kesenian memberikan suatu peluang yang besar untuk melakukan pembaharuan dan kemajuan terhadap sebahagian daripada kebudayaan bangsa.

Bersama-sama dengan subbudaya yang lain, strategi untuk mengubah nilai masyarakat supaya lebih kritis, kreatif, menghargai mutu dan berakal budi akan mempunyai harapan yang lebih gemilang.

Sayangnya dalam negara kita, kesenian selalu dihubungi dengan kegiatan hiburan dan bukannya pengucapan sosiobudaya yang serius.

Kesalahan ini bukanlah hanya dilakukan oleh masyarakat biasa, tetapi sikap dan cara institusi serta birokrasi rasmi menangani kehidupan kesenian juga sangatlah sempit dan ketinggalan zaman.

(END)